



PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 1 TAHUN 2024

PENUBUHAN BLUE ECONOMY ADVANCEMENT CENTRE (UMT BEACON)  
DI UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

**Tujuan**

1. Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai penubuhan Blue Economy Advancement Centre (UMT BEACON) di Universiti Malaysia Terengganu.

**Latar belakang**

2. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (MPU) melalui mesyuarat kali ke-293, bilangan 3 tahun 2024 dan mesyuarat kali ke 291 bilangan 1 tahun 2024 telah meluluskan penubuhan Blue Economy Advancement Centre (UMT BEACON) sebagai PTj Tier 1 di bawah portfolio Pro Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat, Jaringan Industri dan Masyarakat).
3. Secara umumnya, pusat ini akan melaksanakan aktiviti yang berfokus kepada bidang ekonomi biru (blue economy). Ekonomi biru ialah paradigma pembangunan ekonomi terkini yang telah dipromosikan secara global sebagai satu cara untuk menyampaikan pembangunan lautan yang mapan dan mencari keseimbangan antara pertimbangan ekonomi, sosial dan alam sekitar.
4. Carta organisasi UMT terkini mengikut hierarki PTj adalah seperti di **Lampiran 1**.

**Tarikh Kuat Kuasa**

5. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa pada **1 Januari 2024**. Sehubungan itu, seluruh warga UMT dimohon untuk mengambil maklum mengenai perkara ini.

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**Ts. WAN ABDUL MANAN BIN WAN ABDULLAH**  
Pendaftar  
Universiti Malaysia Terengganu

